

**Dasar berkesan, kerajaan optimis KDNK tumbuh maksimum 5% tahun ini**

**FREE MALAYSIA TODAY**

**May 17, 2024**

**Bernamea**

KUALA LUMPUR: Kerajaan optimis Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berada pada kedudukan baik dan akan berkembang antara 4.0% dengan 5.0% bagi 2024, didorong pertumbuhan suku pertama yang lebih tinggi daripada jangkaan.

Kementerian Kewangan (MOF) menjelaskan ekonomi Malaysia pada suku pertama 2024 berkembang sebanyak 4.2% (S4 2023: 2.9%) didorong oleh pemulihan prestasi eksport dan permintaan domestik yang rancak.

“Kadar pertumbuhan pada suku pertama 2024 mengatasi unjuran konsensus Bloomberg sebanyak 3.9%,” tambahnya.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Anwar Ibrahim, berkata prestasi ekonomi negara yang memberangsangkan pada suku pertama 2024 membuktikan bahawa dasar kerajaan yang berkesan serta pengurusan ekonomi yang baik telah memangkin pertumbuhan.

“Di sebalik kegalauan ekonomi dunia, prestasi ekonomi Malaysia kian mengukuh. Dalam tahun pertama pentadbiran, kerajaan Madani telah memulakan reformasi dasar yang menyeluruh serta komited melaksanakan agenda reformasi bagi mentransformasi ekonomi dan penyampaian perkhidmatan awam,” katanya dalam kenyataan.

Peningkatan keyakinan terhadap pasaran modal domestik boleh dilihat melalui rekod paras baharu FBM KLCI mutakhir ini yang mencerminkan minat pelabur dunia kembali tertumpu kepada naratif reformasi Malaysia, kata beliau.

MOF memaklumkan pasaran buruh mengekalkan momentum positifnya dengan jumlah pekerja meningkat 2.1% kepada 16.4 juta orang, manakala lebih 50,000 pekerjaan baharu telah dicipta seterusnya menyumbang kepada kadar pengangguran yang rendah iaitu 3.3%.

Prestasi gaji dan upah kekal memberangsangkan dengan sektor perkhidmatan merekodkan pertumbuhan sebanyak 3.3% dan pembuatan 1.2%. Kementerian itu menjelaskan kadar inflasi kekal rendah pada 1.7%.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) menokok 3.3% pada suku pertama, disokong oleh momentum positif dalam semua subsektor yang dipacu oleh elektrik, perlombongan, dan pembuatan, tambahnya.

Daripada perspektif sektor luaran, jumlah dagangan Malaysia berkembang sebanyak 7.1% kepada RM690.6 bilion pada suku pertama 2024, didukung oleh peningkatan eksport kasar sebanyak 2.2% kepada RM362.4 bilion dan import kasar sebanyak 13.1% kepada RM328.2 bilion.

MOF menambah peningkatan momentum ekonomi mencerminkan asas negara yang kukuh dan keyakinan pelabur terhadap ekonomi domestik, serta diperhebat lagi dengan dasar jitu kerajaan Madani.

Sebagai tambahan, pelaksanaan strategi dan langkah di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, serta inisiatif Rancangan Malaysia Ke-12 kekal menarik pelaburan bernilai tinggi dalam industri bernilai tambah tinggi, jelas MOF.

Ini sekali gus mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi yang meningkatkan kualiti hidup rakyat, tambahnya.

**Copyright © 2009 - 2024 FMT Media Sdn Bhd. All Rights Reserved.**

**A part of Media Prima Group.**

Sources:

<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/05/17/dasar-berkesan-kerajaan-optimis-kdnk-tumbuh-maksimum-5-tahun-ini/>